

**TERMA & SYARAT AKAUN eDEPOSIT TETAP-i (eFD-i) HONG LEONG**(English version)

Terma dan Syarat Akaun eFD-i Hong Leong (“**T&S**”) ini hendaklah dibaca bersama secara keseluruhan dengan Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat bagi Deposit Perbankan Islam dan mana-mana terma dan syarat lain yang berkaitan seperti yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad (“**HLISB**” atau “**Bank**”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal sekurang-kurangnya **dua puluh satu (21)** hari serta syarat dan peraturan lain yang mengikat HLISB. Untuk peletakan promosi eFD-i, Terma dan Syarat Promosi eFD-i (jika berkenaan) akan diguna pakai sebagai tambahan kepada T&S di sini.

1. Akaun eDeposit Tetap-i (“**Akaun eFD-i**”) adalah akaun deposit tetap untuk individu (atas nama tunggal) yang membenarkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit tetap dilakukan secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect dan/atau Aplikasi HLB Connect (“**HLB Connect**”).
2. Akaun Bersama eDeposit Tetap-i (“**Akaun Bersama eFD-i**”) ialah akaun bersama deposit tetap untuk maksimum dua (2) individu yang membenarkan pembukaan akaun, peletakan dan pengeluaran deposit tetap dilakukan secara dalam talian melalui Perbankan Dalam Talian HLB Connect (“**HLB Connect Online**”).

**KELAYAKAN**

3. Akaun eFD-i terbuka kepada pelanggan individu Bank yang memenuhi kriteria di bawah:
    - (a) mempunyai Akaun Semasa atau Simpanan Hong Leong Bank (“**HLB**”) atau Akaun Semasa-i atau Simpanan-i HLISB (“**CASA/CASA-i**”), atas nama tunggal; dan
    - (b) telah mendaftar untuk HLB Connect.
  4. Akaun Bersama eFD-i terbuka kepada dua (2) pelanggan individu Bank yang memenuhi kriteria di bawah:
    - (a) mempunyai CASA/CASA-i bersama dengan mandat operasi sebagai **salah satu-untuk-tandatangan**; dan
    - (b) kedua-dua pemegang akaun bersama CASA/CASA-i telah berdaftar dengan HLB Connect.
- Pelanggan individu Bank yang telah memenuhi keperluan di atas dirujuk sebagai “**Pelanggan**”.
5. Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun, Pemilikan Tunggal, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Pengamal Profesional, Kelab, Persatuan, Pertubuhan, Sekolah, Perbadanan, Organisasi Tidak Menguntungkan dan entiti perniagaan lain **TIDAK** layak untuk membuka atau mengendalikan Akaun eFD-i atau Akaun Bersama eFD-i.

**PEMBUKAAN AKAUN**

6. Syarat untuk membuka Akaun eFD-i :
  - (a) Pelanggan yang memenuhi kriteria kelayakan di bawah Klausus 3 di atas dan membuka Akaun eFD-i melalui HLB Connect;
  - (b) Akaun eFD-i hanya boleh dibuka oleh pelanggan untuk diri sendiri sahaja; dan
  - (c) Akaun eFD-i akan dipautkan kepada CASA/CASA-i Pelanggan (atas nama tunggal), seperti yang dipilih oleh Pelanggan untuk mengreditkan amaun prinsipal dan keuntungan (“**CASA/CASA-i Ditetapkan**”). Namun, jika peletakan eFD-i yang pertama dilakukan dengan mendebit CASA/CASA-i Pelanggan, maka CASA/CASA-i Pelanggan tersebut akan menjadi CASA/CASA-i Ditetapkan dengan sendiri.
7. Syarat pembukaan Akaun Bersama eFD-i:
  - (a) salah seorang daripada dua pemegang akaun bersama CASA/CASA-i yang aktif yang memenuhi kriteria kelayakan di bawah Klausus 4 di atas dan membuka Akaun Bersama eFD-i melalui HLB Connect Online;
  - (b) pemegang akaun yang lain mestilah memberikan persetujuan untuk pembukaan Akaun Bersama eFD-i melalui *AppAuthorise*, dalam tempoh masa yang ditetapkan;

- (c) pemegang Akaun Bersama eFD-i dan CASA/CASA-i Bersama mestilah sama;
- (d) Akaun Bersama eFD-i akan dipautkan kepada CASA/CASA-i Bersama yang dibuka di bawah nama pemegang akaun yang sama (“**CASA/CASA-i Bersama Ditetapkan**”) untuk mengkreditkan amaun prinsipal dan keuntungan;
- (e) ‘salah satu-untuk-tandatangan’ akan menjadi mandat operasi dengan sendirinya untuk Akaun Bersama eFD-i;
- (f) perubahan dalam mandat operasi untuk Akaun Bersama eFD-i adalah TIDAK dibenarkan;
- (g) sebarang perubahan dalam pemegang akaun bersama untuk Akaun Bersama eFD-i adalah TIDAK dibenarkan,
- (h) pencalonan pemegang akaun utama dan sekunder untuk Akaun Bersama eFD-i akan mengikut pencalonan untuk CASA/CASA-i Ditetapkan (seperti semasa pembukaan Akaun Bersama eFD-i), dan
- (i) sebarang perubahan dalam pencalonan pemegang akaun utama dan sekunder untuk Akaun Bersama eFD-i adalah TIDAK dibenarkan.

**Untuk mengelakkan keraguan, Akaun Bersama eFD-i hanya dibenarkan untuk maksimum dua (2) pemegang akaun dengan CASA/CASA-i Bersama Ditetapkan dengan nama pemegang akaun yang sama, pencalonan utama/sekunder dan dengan mandat operasi ‘salah satu-untuk-tandatangan’.**

8. Peletakan berganda eFD-i ke dalam Akaun eFD-i atau eFD-i Bersama ke dalam Akaun Bersama eFD-i adalah dibenarkan.
9. Peletakan ke dalam Akaun eFD-i dan Akaun Bersama eFD-i hanya boleh dibuat antara pukul 6:00 pagi dan 12:00 tengah malam, tujuh (7) hari seminggu, atau pada waktu dan hari seperti yang ditetapkan oleh Bank, di HLB Connect. Untuk mengelakkan keraguan, peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama mestilah dibuat sebelum pukul 12:00 tengah malam agar peletakan tersebut diterima.

### **PELETAKAN**

10. Peletakan eFD-i boleh dibuat oleh pemegang akaun dengan memindahkan dana daripada:
  - (a) mana-mana CASA/CASA-i Pelanggan (atas nama tunggal sahaja) yang aktif (“**Sumber CASA/CASA-i**”); atau
  - (b) bank lain melalui Pertukaran Proses Kewangan (“**FPX**”) atau Perbankan Dalam Talian DuitNow/Wallets (“**DuitNow**”).
11. Peletakan eFD-i Bersama boleh dibuat oleh salah seorang daripada dua orang pemegang Akaun Bersama eFD-i melalui pemindahan dana daripada:
  - (a) CASA/CASA-i Bersama dengan mandat operasi ‘salah satu-untuk-tandatangan’ dan di bawah nama pemegang akaun yang sama dengan Akaun Bersama eFD-i (“**Sumber CASA/CASA-i Bersama**” ); atau
  - (b) CASA/CASA-i individu (atas nama tunggal) (“**Sumber CASA/CASA-i**” ) di bawah nama salah seorang daripada dua pemegang Akaun Bersama eFD-i; atau
  - (c) bank lain melalui FPX atau DuitNow.

**Walau apa pun peruntukan yang dinyatakan dalam T&S di sini, apabila Sumber CASA/CASA-i Bersama didebitkan untuk peletakan eFD-i Bersama, CASA/CASA-i yang ditetapkan untuk pengkreditan amaun prinsipal eFD-i Bersama dan keuntungan terakru, mestilah atas nama dan mandat operasi yang sama seperti Sumber CASA/CASA-i Bersama.**

12. Pemberitahuan peletakan akan dihantar kepada kedua-dua pemegang Akaun Bersama eFD-i berdasarkan alamat e-mel Pelanggan yang didaftarkan dengan HLB Connect.
13. Peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama mestilah dibuat untuk tempoh antara satu (1) bulan hingga dua belas (12) bulan atau mana-mana tempoh lain, dan pada kadar keuntungan seperti yang dinyatakan di laman sesawang HLISB di [www.hlisb.com.my](http://www.hlisb.com.my) (“**Laman Sesawang Bank**”) akan ditentukan oleh HLISB pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, dengan memberi notis awal.

14. Amaun minimum eFD-i atau eFD-i Bersama untuk tempoh satu (1) bulan ialah **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** dan untuk tempoh dua (2) bulan dan ke atas ialah **Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM500)**.
15. Amaun maksimum eFD-i atau eFD-i Bersama bagi setiap transaksi ialah **Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Ribu (RM250,000)** atau seperti yang ditetapkan dalam Terma dan Syarat Promosi eFD-i (jika berkenaan), yang mana lebih rendah.
16. Proses peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama mungkin mengambil masa sehingga dua (2) hari bekerja. Tarikh kuat kuasa peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama ialah tarikh apabila pihak Bank berjaya melengkapkan proses peletakan di mana resit transaksi HLB Connect yang mengandungi butiran transaksi peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama akan dijana dan dihantar melalui e-mel kepada Pelanggan. Resit transaksi HLB Connect akan menjadi bukti yang mengikat dan konklusif bagi transaksi peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama yang berjaya. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kerugian yang mungkin ditanggung oleh Pelanggan disebabkan oleh masa yang diambil untuk memproses peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama.
17. Tiada resit fizikal deposit tetap akan dikeluarkan kepada Pelanggan.
18. eFD-i TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan mendapatkan sebarang kemudahan kredit yang diperolehi atau akan diperolehi oleh Pelanggan
19. eFD-i bersama TIDAK boleh digunakan sebagai cagaran untuk tujuan mendapatkan sebarang kemudahan kredit yang diperolehi atau yang akan diperolehi oleh Pelanggan dengan HLISB.

## **KEUNTUNGAN**

20. Tiada keuntungan akan dibayar pada amaun pengeluaran sebahagian dan/atau pengeluaran pramatang eFD-i atau eFD-i Bersama tanpa mengira bilangan bulan yang telah lengkap pada masa pengeluaran sebahagian/pramatang.
21. Keuntungan yang diperoleh akan dikreditkan ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan Pelanggan apabila eFD-i atau eFD-i Bersama berkenaan matang.

## **PENGELUARAN**

22. Pengeluaran eFD-i atau eFD-i Bersama boleh dilakukan melalui HLB Connect setelah mendapat kebenaran yang sewajarnya oleh pemegang akaun dengan menggunakan AppAuthorise, ciri keselamatan untuk membenarkan pembayaran dan/atau pemindahan dilakukan melalui HLB Connect.  
Tertakluk pada Klausus 11 di atas, salah seorang daripada pemegang Akaun Bersama eFD-i dibenarkan untuk melakukan pengeluaran penuh atau sebahagian terhadap peletakan eFD-i di bawah Akaun Bersama eFD-i.
23. Pemegang akaun dengan ini bersetuju seperti berikut:
  - (a) pihak Bank akan bertindak apabila menerima arahan untuk melaksanakan pengeluaran sebahagian atau penuh eFD-i Bersama sebagaimana yang dibenarkan oleh mana-mana pemegang akaun; dan
  - (b) sebarang arahan untuk pengeluaran sebahagian atau penuh eFD-i atau eFD-i Bersama, setelah diterima oleh pihak Bank, tidak boleh ditarik balik setelah dilaksanakan oleh Bank.
24. Selepas pengeluaran eFD-i atau eFD-i Bersama, amaun prinsipal dan keuntungan yang diperolehi daripadanya (jika ada), akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan.
25. Pemberitahuan pengeluaran akan dihantar kepada kedua-dua pemegang Akaun Bersama eFD-i berdasarkan alamat e-mel Pelanggan yang didaftarkan dengan HLB Connect.

## PENNGELUARAN SEBAHAGIAN

26. Pengeluaran sebahagian eFD-i atau eFD-i Bersama dalam gandaan **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** adalah dibenarkan semasa tempoh eFD-i atau eFD-i Bersama, tertakluk pada baki minimum **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** yang perlu dikekalkan dalam eFD-i atau eFD-i Bersama masing-masing sehingga tarikh matang eFD-i atau eFD-i Bersama berkenaan. Bank berhak untuk meminda jumlah atau kuantum pengeluaran separa dan/atau baki minimum yang perlu dikekalkan seperti yang dinyatakan di atas bagi setiap eFD-i atau eFD-i Bersama pada bila-bila masa, dengan memberi notis awal.
27. Keuntungan pada kadar yang telah ditetapkan akan terus dibayar ke atas baki yang tinggal dalam eFD-i atau eFD-i Bersama **DENGAN SYARAT** eFD-i atau eFD-i Bersama dipegang sehingga matang.
28. Pengeluaran separa eFD-i atau eFD-i Bersama di mana bakinya kurang daripada **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)** dan ke bawah tidak dibenarkan. Sebarang pengeluaran eFD-i atau eFD-i Bersama tersebut hendaklah dianggap sebagai pengeluaran pramatang keseluruhan eFD-i atau eFD-i Bersama.

## PEMBAHARUAN

29. Pelanggan hendaklah memilih arahan pembaharuan bagi setiap eFD-i atau eFD-i Bersama apabila membuat peletakan melalui HLB Connect atau HLB Connect Online, jika berkenaan.
30. Jika pelanggan memilih 'Pembaharuan Auto' semasa peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama, setelah eFD-i atau eFD-i Bersama yang berkenaan matang, peletakan akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh yang sama pada kadar keuntungan semasa pada hari pembaharuan tempoh matang eFD-i .
31. Jika pelanggan tidak memilih 'Pembaharuan Auto' semasa peletakan eFD-i atau eFD-i Bersama, setelah eFD-i atau eFD-i Bersama yang berkenaan matang, peletakan tidak akan diperbaharui dan aman eFD-i atau eFD-i Bersama akan dikreditkan secara automatik ke dalam CASA/CASA-i Ditetapkan pada tarikh matang eFD-i atau eFD-i Bersama yang berkenaan.
32. Salah seorang daripada Pemegang Akaun Bersama bagi Akaun Bersama eFD-i boleh memperbaharui peletakan eFD-i di bawah Akaun Bersama eFD-i.

## **SYARAT TAMBAHAN YANG BERKAITAN AKAUN BERSAMA eFD-i JIKA BERLAKU PERUBAHAN DALAM KEADAAN BERHUBUNGAN DENGAN CASA/CASA-i BERSAMA YANG DITETAPKAN**

33. Walau apa pun terma dalam T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun dan Terma dan Syarat bagi Deposit Perbankan Islam, jika terdapat perubahan dalam pemegang akaun, iaitu penambahan, penyingkiran atau penggantian mana-mana pemegang akaun bersama, dan/atau perubahan dalam mandat operasi CASA/CASA-i Bersama, perkara berikut akan terpakai:
  - (a) Amanu prinsipal dan keuntungan yang diperolehi akan terus dikreditkan secara automatik ke dalam Akaun CASA/CASA-i Bersama Ditetapkan yang sama, yang dipilih oleh Pelanggan semasa pembukaan Akaun Bersama eFD-i tersebut apabila matang;
  - (b) Salah seorang daripada Pemegang Akaun Bersama eFD-i boleh terus membuat pengeluaran sebahagian atau penuh, atau memperbaharui peletakan eFD-i Bersama;
  - (c) Memandangkan perubahan dalam keadaan yang dinyatakan di atas, tiada peletakan baharu di bawah Akaun Bersama eFD-i sedia ada akan dibenarkan. Jika Pelanggan ingin membuat peletakan eFD-i Bersama yang baharu, semua pemegang akaun CASA/CASA-i Bersama dikehendaki membuka Akaun Bersama eFD-i yang baharu mengikut T&S yang terpakai di sini; dan
  - (d) Pemegang akaun CASA/CASA-i Bersama yang baharu, sama ada dengan penggantian atau penambahan, tidak akan dapat melihat mana-mana eFD-i Bersama yang aktif yang diletakkan di bawah Akaun Bersama eFD-i sedia ada.

Keputusan Bank mengenai proses pengendalian untuk Perubahan dalam Keadaan berhubung dengan CASA/CASA-i Bersama Ditetapkan adalah muktamad dan konklusif. Sekiranya terdapat sebarang Perubahan dalam Keadaan yang menyebabkan Pemegang Akaun tidak memenuhi syarat kelayakan untuk mengendalikan Akaun eFD-i atau Akaun Bersama eFD-i, pihak Bank boleh memutuskan untuk menutup mana-mana Akaun eFD-i atau Akaun Bersama eFD-i mengikut peruntukan untuk "Penutupan Akaun" yang terdapat dalam Terma dan Syarat Am Akaun atau menggantung operasi mana-mana akaun tersebut.

## **UMUM**

34. T&S di sini, Terma dan Syarat Am Akaun, Terma dan Syarat Penggunaan HLB Connect, Terma dan Syarat bagi Deposit Perbankan Islam serta terma dan syarat yang terpakai untuk CASA/CASA-i ("Terma dan Syarat Berkenaan") hendaklah dibaca sebagai perjanjian keseluruhan. Sekiranya berlaku sebarang percanggahan, T&S khusus di sini akan diguna pakai setakat konflik atau percanggahan tersebut.
35. Pihak Bank berhak:
  - (i) untuk menambah, memadam, menggantung atau mengubah mana-mana atau semua T&S yang terkandung di sini, sama ada sepenuhnya atau sebahagian, dengan menyiarkan di Laman Sesawang Bank atau dalam apa-apa cara lain yang pihak Bank anggap praktikal dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kepada Pelanggan;
  - (ii) untuk melucutkan/menarik balik keuntungan yang diperolehi sekiranya Pelanggan tidak mematuhi Terma dan Syarat Berkenaan; dan
  - (iii) untuk menarik balik keuntungan yang diperolehi sekiranya terdapat sebarang penipuan dan/atau pelanggaran T&S ini yang dikesan.
36. Pengeluaran dana ke dalam akaun CASA/CASA-i Bersama Ditetapkan hendaklah dianggap sebagai pelepasan yang sah kepada pihak Bank bagi amaun yang perlu dibayar daripada eFD-i Bersama tersebut. Kecuali penipuan atau sebarang kecualian teruk yang dilakukan oleh pihak Bank, pihak Bank TIDAK akan, dalam apa-apa cara sekalipun, bertanggungjawab ke atas sebarang kesulitan, kerugian, kecederaan, dan kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang timbul disebabkan oleh pihak Bank bertindak atas kebenaran/arahan yang tidak boleh ditarik balik oleh mana-mana pemegang Akaun Bersama eFD-i menurut T&S di-sini.
37. T&S ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelanggan bersetuju untuk tunduk kepada kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
38. Perkataan yang menunjukkan satu jantina termasuk semua jantina lain dan perkataan yang menunjukkan tunggal termasuk jamak dan sebaliknya.

**Ahli PIDM. Akaun eDeposit Tetap-i dan Akaun Bersama eDeposit Tetap-i dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai T&S di sini, sila e-mel kami di [hlonline@hlbb.hongleong.com.my](mailto:hlonline@hlbb.hongleong.com.my)